



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA/KPPA (S)/106 JLD.15(88)
Tarikh : 25 Februari 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang kita sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah meletakkan jawatan pada 24 Februari 2020. KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seterusnya telah berkenan melantik YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri interim, sementara menunggu pelantikan Perdana Menteri baharu. Pada masa yang sama, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan untuk membatalkan pelantikan Menteri-Menteri selaras dengan peletakan jawatan oleh Perdana Menteri. Sehubungan itu, tugas-tugas anggota pentadbiran (Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik) adalah terhenti pada tarikh yang sama.

3. Dalam hal ini, penjawat awam mestilah mengekalkan pendirian *apolitical* dan berkecuali. Kita mesti terus menjunjung dan mempertahankan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dengan melaksanakan tugas sepertimana yang dipertanggungjawabkan. Saya juga memohon agar semua penjawat awam untuk bertenang dan meneruskan tugas-tugas mengikut undang-undang dan dasar Kerajaan yang berkuat kuasa. Penjawat awam hendaklah memastikan semua sistem penyampaian kerajaan terus berjalan lancar. Rakyat seharusnya mendapat perkhidmatan berkualiti seperti sedia ada.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SIJIL : QMS 01894


4. Sehubungan dengan itu juga, semua penjawat awam adalah dilarang sama sekali daripada menghadiri atau terlibat dalam apa-apa pehimpunan berkaitan politik, membuat apa-apa pernyataan awam, mengedarkan atau menularkan berita palsu di media sosial atau apa-apa medium komunikasi yang lain atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak dan ketetapan undang-undang dan dasar Kerajaan yang berkuat kuasa.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)

s.k:

Ketua Setiausaha Negara